

## **PENYEBARAN DAN PERKEMBANGAN ISLAM DI ALAM MELAYU**

Shaharuddin Pangilun, Farhah Zaidar Mohamed Ramli

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

[shaharuddin.pangilun@kuis.edu.my](mailto:shaharuddin.pangilun@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

*Islam merupakan agama paling berpengaruh di Alam Melayu. Kepesatan penyebaran dan perkembangan Islam di wilayah Nusantara adalah didokumentasikan dalam sumber-sumber sejarah tempatan mahu pun antarabangsa. Terdapat ramai sejarawan yang prihatin yang melakukan kupasan secara historikal terhadap kemajuan pengaruh Islam di Alam Melayu. Namun sikap masyarakat kontemporari yang kurang berminat tentang sejarah menyebabkan mereka kurang arif dan prihatin terhadap sejarah agama Islam tersebar di Tanah Melayu. Artikel ini bertujuan untuk mendedahkan sejarah penyebaran dan perkembangan Islam Alam Melayu berdasarkan medote analisis dokumen terhadap sumber-sumber perpustakaan. Kesimpulannya negara benua Nusantara seperti Indonesia, Selatan Thailand, Singapura dan Malaysia telah menerima Islam dan agama ini berkembang dengan baik di wilayah ini. Bangsa Melayu menerima ajaran Islam daripada pelbagai Negara luar seperti Arab, China dan India khususnya menerusi aktiviti perdagangan dan maritim. Implikasi daripada dapatan kajian ini juga membawa petunjuk kepada perkembangan penerbitan mushaf al-Quran di Nusantara yang telah dibawa oleh para pedagang luar negara tersebut.*

**Kata kunci: Penyebaran, Perkembangan, Islam, Melayu**

### **1. PENGENALAN**

Secara realitinya kewujudan komuniti yang berpegang kepada agama Islam secara langsung atau tidak langsung menjadi pertunjuk akan keperluan kepada penerbitan mushaf al-Quran sama ada melalui penerbitan secara traditional atau melalui percetakan moden. Oleh itu amat menarik dalam kajian ini, untuk melihat sejarah perkembangan dan penyebaran agama Islam yang akan membawa petunjuk kepada perkembangan penerbitan mushaf al-Quran di Nusantara. Lebih-lebih lagi di negara-negara yang sering dikaitkan dengan komuniti Islam dan sumber penerbitan dan penyebaran mushaf al-Quran di Nusantara seperti di Indonesia, Selatan Thailand, Singapura dan Malaysia.

### **2. PENYEBARAN DAN PERKEMBANGAN AGAMA ISLAM DI INDONESIA**

Sejak abad ke-12 lagi penyebaran ajaran agama Islam telah terima dan menjadi pegangan penduduk tempatan di Perlak, Sumatera Utara. Dalam catatan pelayaran Marco Polo, beliau telah singgah di Perlak pada tahun 1289 Masehi dan mendapati ramai masyarakat tempatan telah beragama Islam. Manakala menurut catatan Ibnu Batutah yang telah singgah di Pasai, beliau mendapati Sultan Pasai telah memeluk agama Islam, antaranya Malik al-Saleh, Malik al-Zahir dan Malik al-Mansur (Mohd. Jamil Mukmin 2014).

Di mana Samudera Pasai pula telah menjadi pusat penyebaran dan perkembangan Islam di kepulauan Jawa dan Sulawesi pada tahun 1395 Masehi (Mustaffa Abdullah et. Al. 2009). Mengikut catatan China, sejak tahun 1416 Masehi lagi Islam telah bertapak di Jawa. Manakala dalam catatan Portugis, pada tahun 1498 sudah terdapat penempatan penduduk Islam di beberapa daerah di persisiran pantai utara Jawa (Mohd. Jamil Mukmin 2014).

Begitu di kepulauan Maluku telah wujud Kesultanan Ternate iaitu sebuah kerajaan Islam mencapai kegemilangannya pada abad ke 14 hingga 16 Masehi. Menurut sumber rasmi agama Islam telah tersebar sejak tahun 1257 Masehi lagi. Kesultanan Ternate telah digunakan oleh Baab

Mashur Mulamo iaitu raja pertama menggunakan istilah ini dan masalah agama Islam menjadi keutamaan dalam pemerintahannya. Agama diurus oleh seorang Qadhi dan dibantu oleh empat orang imam *Rubula Raha* di bawah pimpinan imam *Sadaha* (Drs. H. Fadhal AR Bafadal M.Sc & Drs. H. Rasehan Anwar APU. 2005).

### **3. PERKEMBANGAN DAN PENYEBARAN AGAMA ISLAM DI PATTANI, THAILAND**

Secara umumnya masyarakat Siam atau Thai, mejaroti penduduk tempatan beragama Buddha aliran *teravada* (H. Saifullah 2010), namun tidak kepada masyarakat Pattani yang mempunyai sejarah yang menarik untuk dikaji. Kedudukan Kerajaan Pattani yang terletak di laluan perdagangan antara Timur dan Barat amat strategis, menjadikan kerajaan Pattani penting dan berkembang pesat di Selatan Siam (H. Saifullah 2010). Menurut A. Teeaw dan Wyatt, Kerajaan Patani telah wujud sekitar abad ke-14 dan abad ke-15 berdasarkan catatan Tome Pires dan lawatan Cheng Ho pada tahun 1404-1433 Masehi.

Menurut S.Q. Fatimi, Islam datang ke Patani melalui China dan Campa, dan juga Samudera Pasai. Pya Tu antara kemudian memeluk agama Islam melalui Syekh Said seorang ulama dari Samudera Pasai dengan gelaran Sultan Ismail Syah Zillullah Fil Alam. Selepas itu, ajaran Islam telah berkembang dan mempengaruhi budaya kehidupan kalangan masyarakat tempatan (H. Saifullah 2010). Kejayaan Kerajaan Melayu Pattani terserlah pada 1584-1624 Masehi ketika di bawah pemerintahan raja-raja perempuan. Pattani telah muncul sebagai pusat perdagangan penting di rantau ini. Menurut Ijzerman seorang pedagang Belanda, Pattani adalah 'pintu masuk' ke wilayah China selatan. pengaruh Patani meluas sampai ke Semenanjung seperti Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu (H. Saifullah 2010).

### **4. PERKEMBANGAN DAN PENYEBARAN AGAMA ISLAM DI SINGAPURA**

Kedudukan Singapura yang berada di hujung Semenanjung Tanah Melayu menjadikannya sebuah tempat yang paling strategis sebagai laluan perdagangan. Singapura menjadi tempat yang penting di wilayah Asia Tenggara sejak dahulu dan menjadi rebutan kerajaan-kerajaan atau kesultanan-kesultanan di sekitarnya, dan kemudian oleh kaum penjajah. Di mana beberapa kesultanan pernah menguasai daerah ini, seperti Kesultanan Melaka (1398-1511), Kesultanan Johor (1511-1699), dan Kesultanan Johor-Riau (1699-1818) atau dari akhir abad ke-14 sampai awal abad ke-17 Masehi. Sebelumnya Singapura dikenali sebagai Tumasik sekitar 1200-1398, pernah dikuasai oleh dua kerajaan Hindu Buddha di Nusantara, yaitu Sriwijaya dan Majapahit (Asep Saefullah, M.Ag. 2012).

Kedatangan agama Islam ke Singapura berkait rapat dengan kedatangan Islam di Nusantara dan para sejarawan berbeza pendapat mengenai bila dan dari mana datangnya (Asep Saefullah, M.Ag. 2012). Singapura mempunyai kedudukan yang strategis. Di mana kedudukan strategis merupakan kelebihan yang dimiliki oleh Singapura menjadikannya sebagai tempat persinggahan perdagangan di selat Melaka, menjadikan pusat aktiviti penyebaran agama Islam, baik pada masa kesultanan Melaka atau pun selepas kedatangan penjajahan dari negara-negara Barat, sampai pada awal abad ke-20.

Peranan penting sebagai pusat penyebaran agama Islam berakhir, apabila Singapura berpisah dari negara Malaysia pada pada 9 Ogos 1965, menjadikan penduduk Islam sebagai minoriti, dan menjadikan masyarakat muslim yang sebagian besar adalah bangsa Melayu berkedudukan kedua

selepas masyarakat Cina. Di mana pada tahun 1891, jumlah penduduk Cina di Singapura lebih dari 50 %, iaitu 67.1%, kemudian Melayu 19.7%, India 8.8% dan yang lain-lain (Asep Saefullah, M.Ag. 2012). Namun perkembangan ajaran Islam di Singapura terus disebarkan oleh para ulama dari berbagai pendakwah dari Nusantara dan pendakwah dari benua India, seperti Syaikh Khatib al-Minangkabawi, Syaikh Ahmad Aminudin, Syaikh Habib Ali Habsi (Asep Saefullah, M.Ag. 2012).

Menurut Asep Saefullah, M.Ag. (2012), para pedagang Muslim telah terlibat dalam perdagangan internasional di wilayah ini. Perdagangan kaum Muslimin, khususnya Arab dan Persia, di Asia Tenggara mengalami peningkatan yang sangat pesat antara abad ke-8 hingga ke-11 Masehi. Mereka berulang alik mengharungi Lautan Hindi dan Laut Mediteranian. Kota-kota pesisiran dan pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Malaya menjadi persinggahan para pedagang Muslim tersebut. Sebahagian dari mereka telah menetap dan berkeluarga di sana. Oleh itu kedatangan agama Islam Singapura paling pada awal abad ke-8 atau abad ke 11 Masehi.

Seterusnya pada abad ke-15 Masehi, Tumasik berada di bawah kekuasaan Kesultanan Melaka sehingga sampai penjajahan Portugis 1511 Masehi. Setelah itu secara berturut-turut, Singapura berada di bawah Kesultanan Johor, (1511-1699), dan Kesultanan Johor-Riau (1699-1818), sampai akhirnya diduduki oleh British East India Company, perusahaan dagang Inggris di Timur, di bawah pimpinan Thomas Stamford Raffles sejak 19 Januari 1819 M (Asep Saefullah, M.Ag. 2012).

## **5. PERKEMBANGAN DAN PENYEBARAN AGAMA ISLAM DI SEMENANJUNG TANAH MELAYU**

Sejarah Melayu menggambarkan Kerajaan Melaka mempunyai suasana pentadbiran dan politik yang teguh dan stabil (Mohd. Jamil Mukmin 2014). Tindakan Parameswara menganut agama Islam pada tahun 1414 Masehi dengan gelaran Megat Iskandar Shah telah merencanakan perkembangan Islam di Nusantara dan meletakkan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam di rantau ini. Kedudukan ajaran Islam semakin kukuh pada era pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, Sultan Mansur Syah dan Sultan Alauddin Riayat Syah (Mohd. Jamil Mukmin 2014). Penguasaan dan kestabilan politik Kerajaan Melaka semakin meluas pada abad ke-15 sehingga sampai ke Selangor. Antara daerah-daerah yang dikuasainya seperti Kelang, Jeram, Langat, Jugra dan Kuala Selangor. Melalui penguasaan ini baginda telah menghantar pendakwah-pendakwah bagi menyebarkan agama Islam dan mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat tempatan (Mohd. Jamil Mukmin 2014).

Perkembangan ajaran Islam terus tersebar ke daerah Beruas, Manjung dan Hulu Perak di Perak pada pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Penguasaan kerajaan Melaka ke atas Beruas dan Manjung memudahkan lagi para pendakwah bagi menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat tempatan. Apabila kerajaan Melaka ditewaskan oleh Portugis, Raja Beruas berundur ke Kampar. Di mana ia diperintah oleh Tun Saban anak Bendahara Tun Perak. Pada 1928 Raja Muzaffar Syah putera Sultan Mahmud Syah telah ditabalkan sebagai Sultan Perak yang pertama dengan gelaran Sultan Muzaffar Syah (Mohd. Jamil Mukmin 2014).

Begitu juga penyebaran agama Islam negeri Johor dan kepulauan Riau iaitu pada awal kurun ke-16. Antara daerah-daerah yang dikuasai seperti Wurawari, Hujung Mendili, Sayong, Seluang,

Muar, Pulau Tinggi, pulau Pemanggil Pulau Laut dan Pulau Tioman turut menganut ajaran Islam. Selepas kejatuhan kerajaan Melaka ditangan Portugis pada 1511 Masehi, terbentuk sebuah Kerajaan Melayu Johor dibawah pemerintahan Sultan Mahmud Syah yang menjadi warisan raja-raja Melayu Melaka (Mohd. Jamil Mukmin 2014).

Seterusnya penyebaran Islam ke negeri Pahang berlaku melalui proses peluasan kerajaan Melaka pada era pemerintahan Sultan Mansur Syah. Baginda telah menghantar Bendahara Tun Perak mengetuai angkatan perang untuuk menakluki Pahang pada tahun 1459. Ini disebabkan pahang telah membantu Siam menyerang Melaka pada pemerintahan Sultan Muzaffar Syah dan Sultan Mansur Syah, namun dapat ditumpaskan.

Di Kedah pula, dipercayai agama Islam telah bertapak sejak abad ketujuh atau awal ke-10 Masehi lagi. Batu nisan Sheikh Abdul Kadir Ibn Husin Shah Alam ( Beliau seorang ulama dan pedagang berketurunan Parsi. Dalam batu nisan tercatat yang bertarikh 29 atau 290 Hijrah bersamaan 651M atau 920M.) dijumpai pada tahun 1962 di Tanjung Aris Mukim Langgar, Alor Setar menjadi bukti kewujudan Islam di Kedah. Berdasarkan bukti ini, Islam telah bertapak di Kedah lebih awal berbanding perkembangan agama Islam di Terengganu, Kelantan dan Melaka (Mohd. Jamil Mukmin 2014).

Kedatangan Islam telah wujud pada abad ke-14 di Terengganu melalui aktiviti perdagangan yang dilakukan oleh pedagang-pedagang Arab, India dan China di Kuala Berang. Penemuan batu bersurat yang berbahasa Melayu dengan tulisan jawi oleh Saiyed Husin bin Ghulam Al-Bukhari pada tahun 1902 di daerah Kampung Buloh, Kuala Berang, Ulu Terengganu menjadi bukti kewujudan perkembangan agama Islam di sana. Prof. Dr. Syed Naquib Al-Atas mencatatkan bahawa ia bertarikh 4 Rejab 702 Hijrah bersamaan dengan 22 Februari 1303. Tarikh tersebut adalah lebih awal 100 tahun dari tarikh Melaka menerima Islam (Mohd. Jamil Mukmin 2014).

Mengikut ahli sejarah, ajaran Islam telah tersebar di Kelantan sejak tahun 1181 Masehi lagi. Ini disebabkan Kelantan menjadi pelabuhan penting di pantai timur Tanah Melayu. Penyebaran agama Islam dibawa oleh pedagang-pedagang Islam dari Timur Tengah. Ia dibuktikan dengan penemuan wang dinar di bekas tapak Kota Istana Kubang Labu pada tahun 1914. Wang dinar tersebut terdapat ukiran perkataan Arab 'al-Mutawakkil' dan bertarikh 577 Hijrah bersamaan dengan 1181 Masehi (Mohd. Jamil Mukmin 2014).

## **6. KESIMPULAN**

Implikasi daripada kedatangan pedagang-pedagang Islam ke Alam Melayu sudah tentunya membawa bersama kitab suci al-Quran sebagai panduan kepada umat Melayu yang baru memeluk agama Islam. Mushaf al-Quran ini telah diperbanyakkan salinannya melalui penulis tempatan. Tradisi penyalinan al-Quran di Alam Melayu ini terus berlangsung hingga pertengahan atau akhir abad ke-19. Setelah teknologi semakin berkembang, barulah ianya dicetak dengan menggunakan teknologi percetakan. Tradisi penyalinan mushaf al-Quran berlaku secara meluas sehingga hari ini dan terdapat di beberapa pusat simpanan seperti di Sumatera, Jawa, Kalimantan, Sulawesi, kepulauan Maluku, Patani, Malaysia, Brunei dan sebagainya (Mohd Asmadi Yakob et. al. 2014).

## **7. RUJUKAN**

Asep Saefullah, M.Ag. 2012. *Tumasik: Sejarah Awal Islam di Singapura (1200-1511 M)*.  
Makalah Seminar Hasil Penelitian Sejarah Islam di Asia Tenggara Pada Kegiatan

- “Penelusuran Sejarah Islam di Nusantara” Puslitbang Lektur dan Khazanah Keagamaan Badan Litbang dan Diklat Kementerian Agama RI.
- H. Fadhal AR Bafadal M.Sc & Drs. H. Rasehan Anwar APU. 2005. *Mushaf-Mushaf Kuno Indonesia*. Jakarta: Gedung Bayt Al-Quran & Meseum Istiqlal. hlm. 263.
- H. Saifullah, SA. MA. 2010. *Sejarah & Kebudayaan Islam Di Asia Tenggara*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar. hlm. 82.
- Mohd Asmadi Yakob et. al. 2014. *Manuskrip al-Qur'an dan Ilmu-ilmunya (Ulum al-Qur'an) Di Alam Melayu: Tumpuan Terhadap Manuskrip Ilmu Tajwid*. Pusat Kajian Manuskrip Alam Melayu (PUSKAM) Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.
- Mohd Jamil bin Mukmin. 2014. *Sejarah Kerajaan-Kerajaan Islam Secara Ringkas Dan Sejarah Melaka Sebagai Pusat Penyebaran Islam Di Nusantara Secara Ringkas*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Mustafa Abdullah et. al. 2009. *Khazanah al-Quran & al-Hadis Nusantara*. Kuala Lumpur: BS Print (M) Sdn Bhd.